

Sekatan Pergerakan Kendiri Kaedah Terbaik Perangi COVID-19



Oleh: Hanis Hazirah Zaidi
Universiti Sains Islam Malaysia
Diterbitkan pada 6 Jun 2021



Gambar hiasan.

Ketika ini, penularan pandemik COVID-19 dilihat semakin merebak dengan pantas dalam kalangan komuniti.

Peningkatan statistik secara drastik menyaksikan bilangan jangkitan harian mencecah lebih 7,000 kes. Situasi tersebut pasti amat membimbangkan seluruh rakyat Malaysia.

Kerajaan memandang serius terhadap isu ini dan meminta rakyat melakukan sekatan pergerakan sendiri bagi mengelakkan wabak koronavirus daripada terus merebak.

Antara langkah sekatan pergerakan sendiri yang dicadangkan adalah tidak menerima tetamu, membeli barang keperluan dapur seminggu sekali, mengisi minyak kenderaan sehingga tangki penuh, solat berjemaah di rumah dan membeli-belah secara dalam talian.

Ramai juga yang tertanya-tanya mengapa kerajaan tidak mengisytiharkan sekatan penuh seperti yang dilaksanakan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 tahun lalu.

Kita seharusnya tahu kesan besar yang boleh berlaku terhadap ekonomi negara sekiranya sekatan pergerakan penuh dilaksanakan. Tahun lalu, negara mengalami kerugian kira-kira RM2.4 bilion sehari sepanjang pelaksanaan PKP 1.0.

Realitinya, kerajaan sudah tidak mampu menampung kerugian yang lebih besar akibat penutupan ekonomi. Selain itu, lebih ramai pekerja bakal diberhentikan akibat kemerosotan ekonomi.

Datin Rozita Talha dalam kajian kes impak PKP 1.0 menyatakan, antara golongan rakyat yang terkesan adalah majikan, pekerja kerajaan dan swasta, peniaga, petani dan nelayan.

Oleh itu, rakyat juga berperanan sebagai petugas barisan hadapan dengan mengambil inisiatif untuk terus membantu negara dalam menstabilkan ekonomi lantas mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP) dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dan pakar epidemiologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman berkata, kaedah intervensi bukan farmaseutikal termasuk penggunaan pelitup muka, penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu meter, penjagaan kebersihan diri dan kerap mencuci tangan adalah cara terbaik bagi mencegah dan mengawal penularan jangkitan COVID-19.

Tindakan yang seimbang itu adalah lebih baik kerana tidak menjejaskan mana-mana pihak terutamanya golongan rentan dan berpendapatan rendah.

Sedarlah bahawa bukan negara kita sahaja yang terkesan dengan peningkatan kes yang mendadak. Negara-negara lain yang turut terkesan adalah India, Amerika Syarikat dan Argentina.

Sementara itu, Presiden Argentina, Alberto Fernandez telah mengumumkan untuk menguatkuasakan sekatan pergerakan sementara waktu bagi menurunkan kes COVID-19 di negaranya.

Persoalannya, adakah negara kita juga mampu untuk mengatasi wabak yang kian mengganas ini? Jawapannya terletak di tangan kita.

Jika kita masih bersikap degil dan angkuh, mungkin ia agak sukar untuk dicapai. Malah, memberi kesan yang lebih buruk dan berbahaya untuk negara.

Selain itu, orang ramai tidak seharusnya memandang remeh tentang perkara tersebut dan sentiasa bersikap tidak berputus asa.

Islam turut mengingatkan kita untuk sentiasa berusaha mengubah nasib ke arah lebih baik seperti maksud surah ar-Rad ayat 11, “Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa yang pada diri mereka.”

Seterusnya, janganlah kita bersikap seperti peribahasa Melayu “Bila sudah merah; kapur salahkan kunyit, kunyit salahkan kapur.”

Tindakan menuding jari dengan menyalahkan mana-mana pihak adalah tidak wajar. Malah perkara yang perlu diutamakan adalah kawalan sendiri dan sentiasa mengingatkan ahli keluarga untuk mematuhi SOP.

Kita mampu melawan pandemik COVID-19 jika usaha padu diberikan oleh semua pihak bagi mengurangkan kadar kebolehjangkitan sekali gus melandaikan keluk penularan virus tersebut.